

Headline	Bursa catat dagangan tertinggi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Aug 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	39
ArticleSize	378 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 37,694		



Bursa catat dagangan tertinggi

Sebanyak 13.12 bilion saham diniagakan babit nilai RM8.24b

Ulasan Pasaran

Bursa Malaysia mencatat jumlah dagangan tertinggi sebanyak 13.12 bilion saham bernilai RM8.24 bilion semalam berbanding 12.49 bilion saham bernilai RM6.64 bilion pada 20 Julai lalu.

Ia dipacu oleh jualan besar-besaran membabitkan saham berharga rendah dalam sektor pengunaan dan perindustrian selain permintaan yang terus ketara terhadap saham pengeluar sarung tangan.

Ketika urusan niaga ditutup, Bursa Malaysia secara keseluruhannya susut dengan 707 kaunter rugi yang didahului sektor tenaga dan kewangan yang masing-masing turun 2.75 peratus dan 2.45 peratus.

Sejumlah 505 kaunter untung,

kebanyakannya dalam pasaran ACE dan sektor penjagaan kesihatan apabila indeks terbabit mengatasi pasaran secara meluas dengan masing-masing meningkat 7.52 peratus dan 4.37 peratus.

Selain itu, sebanyak 294 kaunter lain tidak berubah, 449 kaunter tidak diniagakan dan 23 lain digantung dagangannya.

Indeks penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) susut 1.94 peratus kepada 1,572.61 daripada 1,603.75 pada Khamis lalu, apabila 27 komponen indeks merosot.

Bursa Malaysia Bhd dan anak syarikatnya ditutup pada Jumaat lalu bersempena cuti umum Adil-adha.

Seorang penganalisis berkata, pasaran menyaksikan penurunan secara keseluruhan selepas mencatat beberapa kenaikan memandangkan prestasi kaunter tenaga yang lebih rendah.

Ini susulan laporan bahawa Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan rakan sekutunya mula membekal lebih banyak minyak mentah ke dalam pasaran global terutama di negara

yang masih bergelut untuk membendung penularan COVID-19.

Pada jam 5 petang, minyak mentah Brent yang juga penanda aras global diniagakan pada AS\$43.02 setong - susut 1.10 peratus daripada harga penutup sebelum ini.

Bagi kaunter kewangan, beliau berkata, bank global menyaksikan peningkatan pinjaman tidak berbayar (NPL) serta pengurangan keuntungan dan aliran sama akan dialami pasaran tempatan pada 1 September ini apabila moratorium enam bulan berakhir.

"Di sebalik kebimbangan mengenai NPL, kerajaan mengumumkan moratorium bersasar yang dijangka memberi manfaat kepada kira-kira tiga juta rakyat yang kehilangan pekerjaan selain gaji dikurangkan akibat COVID-19," katanya.

Saham wajaran tinggi menyaksikan Petronas Chemicals turun 28 sen kepada RM5.90, **Tenaga Nasional rugi 34 sen kepada RM11.10**, Maybank susut 17 sen kepada RM7.50, Public Bank berkurangan 44 sen kepada RM16.56, manakala PPB merosot RM1.14 kepada RM18.56.

Bagi kaunter rugi, Nestle susut RM1.30 kepada RM140.70, Petronas Dagangan kehilangan 84 sen kepada RM20.66, manakala Hong Leong Bank dan Hong Leong Financial masing-masing berkurangan 70 sen dan 58 sen kepada RM14.30 dan RM12.86.

Saham paling aktif menyaksikan MQ Technology naik 10 sen kepada 22 sen, XOX menokok setengah sen kepada 26.5 sen, manakala AT Systematization menambah 1.5 sen kepada 10 sen.

Di papan indeks, Indeks FBM Emas merosot 151.35 mata kepada 11,262.58, Indeks FBM Emas Syariah turun 95.34 mata kepada 13,344.19 dan Indeks FBMT 100 kehilangan 165.71 mata kepada 11,088.36.

FBM 70 pula susut 5.32 mata kepada 14,490.26 dan FBM ACE melonjak 641.94 mata kepada 9,176.82.

Mengikuti sektor, Indeks Produk dan Perkhidmatan Industri turun 2.07 mata kepada 139.06, Indeks Perkhidmatan Kewangan susut 323.39 mata kepada 12,842.11 dan Indeks Perladangan berkurangan 109.03 mata kepada 7,038.48.

Jumlah dagangan di Pasaran Utama berkurangan kepada 5.74 bilion saham bernilai RM5.35 bilion berbanding 6.01 bilion saham bernilai RM4.03 bilion pada Khamis lalu.

Waran merosot kepada 720.54 juta unit bernilai RM283.44 juta daripada 849.17 juta unit bernilai RM278.74 juta sebelum ini.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE meningkat kepada 6.65 bilion saham bernilai RM2.60 bilion berbanding 5.05 bilion saham bernilai RM1.84 bilion pada Khamis lalu.

Produk dan perkhidmatan pengguna menyumbang sejumlah 1.43 bilion saham yang didagangkan di Pasaran Utama manakala produk dan perkhidmatan industri (1.45 bilion), pembinaan (925.18 juta), teknologi (945.61 juta), SPAC (sifar), perkhidmatan kewangan (78.19 juta), hartanah (278.37 juta), perladangan (88.30 juta), REIT (25.06 juta), dana tertutup (75.100), tenaga (601.69 juta), penjagaan kesihatan (125.29 juta), telekomunikasi dan media (78.35 juta), pengangkutan dan logistik (312.92 juta) serta utiliti (37.75 juta).

BERNAMA

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Amanah Pelaburan Tanah (REIT) (Amanah Pelaburan Tanah (REIT))	10	0	RM 0
AT Engineering Sdn Bhd (AT Systematization Bhd)	1	0	RM 0
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	2	0	RM 0
Bank Performance - Cagamas (Bank Performance - Cagamas)	3	0	RM 0
Bernamea - MREM (Bernama - MREM 2)	1	0	RM 0
Bernamea - MREM (Bernama - MREM 6)	2	0	RM 0
Bernamea - MREM (Bernama - MREM)	1	0	RM 0
Bursa - CIMB (Bursa - CIMB)	2	0	RM 0
Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia Berhad)	10	0	RM 0
CIMB Group Competitors (Maybank Wholesale Banking)	1	0	RM 0
CIMB Group Competitors (Public Bank Wholesale Banking)	1	0	RM 0
Community (KPWKM) (Community (KPWKM))	1	0	RM 0
Construction Industry Development Board (CIDB) (Industry News - Covid- 19 - Malaysia (Covid- 19 - Malaysia)	2	0	RM 0
	4	0	RM 0
Hong Leong Bank Berhad (Hong Leong Bank Berhad - Covid 19 -1)	2	0	RM 0
Hong Leong Bank Berhad (Hong Leong Bank Berhad)	1	0	RM 0
Hong Leong Financial Group (Hong Leong Financial Group)	1	0	RM 0
KIP Group (KIP Group)	1	0	RM 0
Malayan Banking Berhad (Malayan Banking Berhad)	1	0	RM 0
Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) (MTDC	4	0	RM 0
Nestle (M) Berhad (Nestle)	1	0	RM 0
Nestle Malaysia Berhad (Nestle Malaysia Berhad)	1	0	RM 0
Nestle(F&N) (Nestle(F&N))	1	0	RM 0
Oil Price (Oil Price)	1	0	RM 0
ONEXOX Sdn Bhd (ONEXOX Sdn Bhd)	1	0	RM 0
Organization of the Petroleum Exporting Countries (OPEC)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pertubuhan Berita Nasional	1	0	RM 0
PETRONAS Chemicals Group (PCG) (Petronas Chemicals Group	4	0	RM 0
PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) (PETRONAS Dagangan Berhad	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	2	0	RM 0
PPB Group Bhd (PPB Group Bhd)	5	0	RM 0
Public Bank Berhad (Public Bank Berhad)	1	0	RM 0
RAM Bursa Malaysia (RAM Bursa Malaysia)	5	0	RM 0
Ram Holdings-Industry News (Ram Holdings-Industry News)	1	0	RM 0
Real Estate Investment Trust (Real Estate Investment Trust)	1	0	RM 0
Securities Commission Malaysia (Special Purpose Acquisition	1	0	RM 0
Singapore-Malaysia Relations (Singapore-Malaysia Relations -	4	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	2	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	1	0	RM 0